

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pendirian berhubung konflik program imunisasi yang banyak dibahaskan dalam kalangan rakyat dan pengamal perubatan di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kurang jelas dengan maksud konflik Program Imunisasi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]. Program Imunisasi yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan semenjak tahun 1972 dengan matlamat mengurangkan dan / atau membasmi penyakit cegahan vaksin sentiasa berkembang mengikut teknologi terkini.